

MTE PSN bantu tarik minat pelajar dalam bidang STEM

UB 21.08.2023 P.03

KOTA KINABALU: Pemberian Mobile Thematic Exhibition (MTE) Pusat Sains Negara (PSN) kepada U-Science, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bantu tarik minat pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, pemberian itu merupakan kesinambungan kerjasama erat antara UMS-PSN.

"Kerjasama UMS-PSN bermula pada tahun 2020 dengan pemberian bahan astronomi kepada U-Science, UMS.

"Antara peluang yang telah diberikan kepada U-Science UMS ialah menyertai Minggu Sains Negara 2022, Jelajah Astronomi Pantai Timur Sabah dan Karnival Sains Sabah, 2022.

"Di Karnival Sains Sabah

2022, U-Science UMS menerima Anugerah Khas Penyertaan Tertinggi Peringkat Institut Pengajaran Tinggi (IPT) bagi 10 program yang dilaksanakan dengan jumlah penyertaan 48,410 meliputi pelajar sekolah rendah sekolah menengah, dan IPT," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) atas bantuan kewangan dan khidmat nasihat kepada U-Science UMS sejak penubuhannya.

"Pengurusan UMS mengharapkan kerjasama U-Science UMS-PNS dengan sokongan dan bantuan MOSTI seperti latihan untuk kakitangan U-Science serta penempatan beberapa bahan pameran.

"Pelaksanaan bersama program

seperti seminar, outreach dan National Tinkering Challenge mampu membantu UMS memberi kesedaran kepada masyarakat Sabah tentang kepentingan sains dan teknologi dalam dunia era digital kini," katanya.

Beliau juga berharap agar MOSTI dapat memperuntukkan dana untuk menambah dan menaik taraf U-Science sebagai Ruang Sains di Sabah bagi membantu pendidikan STEM di negeri ini.

Kasim berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof semasa majlis penyerahan itu.

Penyerahan MTE PSN kepada U-Science UMS disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Arthur Kurup.



KENANGAN: Arthur (empat kiri) bersama hadirin pada majlis pemberian MTE PSN.